

Bil. S 67

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (KAWALAN KEMAJUAN)
(PENGAL 143)**

**PERATURAN-PERATURAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
(KAWALAN KEMAJUAN) (KAWALAN IKLAN), 2008**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Permohonan bagi kebenaran bertulis.
4. Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Yang Layak.
5. Tamat tempoh.
6. Penyambungan kebenaran.
7. Pembatalan kebenaran.
8. Pengubahan iklan dll.
9. Penyelenggaraan iklan.
10. Perintah untuk membuka dll. iklan.
11. Penguatkuasaan.
12. Kesalahan.
13. Rayuan.
14. Kekecualian.

JADUAL — BAYARAN PERMOHONAN

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (KAWALAN KEMAJUAN)
(PENGAL 143)

PERATURAN-PERATURAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
(KAWALAN KEMAJUAN) (KAWALAN IKLAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan), maka Menteri Pembangunan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Kawalan Iklan), 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"iklan" bermakna apa-apa bentuk visual iklan yang dipamerkan atau diperagakan pada mana-mana papan iklan, struktur, perkakas atau alat yang didirikan pada, di dalam atau di atas mana-mana premis dan boleh dilihat dari mana-mana jalan atau bangunan (sama ada atau tidak mula-mula dipamerkan, diperagakan atau didirikan sebelum permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini), dan termasuk mana-mana iklan yang menganjur ke mana-mana permukaan luar sesuatu bangunan atau struktur dengan lampu atau apa-apa cara lain;

"belon" bermakna belon yang diikat atau objek yang serupa;

"garis bangunan" bermakna garis biasa sesuatu jalan dan termasuk suatu garis yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak pada kedua-dua tepi sesuatu jalan yang tidak boleh dilimpasi oleh bangunan yang bersempadanan dengan garis itu;

"papan iklan elektronik" bermakna apa-apa bingkai atau panel yang khusus direka bentuk untuk memperagakan iklan-iklan yang mengandungi gambar bergerak visual dengan alat elektronik yang —

(a) dilekatkan pada mana-mana premis dan boleh dilihat dari mana-mana jalan atau premis yang bersebelahan;

(b) didirikan pada atau di atas mana-mana premis dan boleh dilihat dari mana-mana jalan atau premis yang bersebelahan; atau

(c) didirikan di dalam mana-mana premis;

"papan tanda" bermakna suatu peragaan nama, tanda perniagaan berdaftar atau jenis perniagaan mana-mana orang dalam bentuk suatu notis atau tanda yang dicetak, dicat, diukir, dipahat atau pun selainnya dilukiskan atau dilekatkan pada mana-mana tempat atau premis dan boleh dilihat dari mana-mana jalan atau bangunan yang luasnya melebihi setengah meter persegi yang mengandungi hanya semua atau mana-mana yang berikut —

(a) suatu sebutan kepada pengenalan atau perihalan tempat atau premis itu;

(b) suatu sebutan kepada pengenalan atau perihalan mana-mana orang yang tinggal atau menjalankan perniagaan di tempat atau premis itu;

(c) butir-butir sebarang perniagaan yang dijalankan di tempat atau premis itu;

(d) arahan atau amaran yang biasa atau perlu berkenaan dengan tempat atau premis itu atau sebarang perniagaan yang dijalankan di situ;

(e) butir-butir atau pemberitahuan yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diperagakan oleh sebarang undang-undang bertulis;

(f) butir-butir berkenaan dengan sebarang perkhidmatan yang diberikan di tempat atau premis itu;

"tapak" bermakna mana-mana tanah atau bangunan, selain dari suatu iklan, di mana suatu iklan diperagakan;

"tanda tinggi" bermakna apa-apa binaan yang mengandungi suatu bingkai, papan iklan, papan, palang, tonggak, tiang, wayar atau sebarang gabungan benda-benda tersebut, atau apa-apa binaan yang sama jenisnya, atau sebarang objek yang boleh dilihat yang terapung-apung atau diletakkan pada kedudukannya dengan wayar atau apa-apa alat penyambung lain yang fleksibel, yang diperagakan bagi maksud-maksud sebarang perniagaan dalam suatu kedudukan yang boleh dilihat dengan jelas di udara dan dari mana-mana jalan atau bangunan.

(2) Sebarang sebutan dalam Peraturan-Peraturan ini kepada seseorang yang mempamerkan suatu iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada orang itu sendiri atau oleh pekerja atau ejennya mempamerkan atau menyebabkan untuk dipamerkan iklan,

papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi itu, dan hendaklah termasuk —

(a) pemilik dan penghuni tanah atau bangunan di mana iklan, papan tanda atau tanda tinggi itu dipamerkan; dan

(b) mana-mana orang yang barang-barang, tanda perniagaan atau urusan lainnya diberikan publisiti melalui iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi itu.

Permohonan bagi kebenaran bertulis.

3. (1) Peraturan-Peraturan ini dikenakan kepada peragaan mana-mana iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi di atas mana-mana tapak di dalam suatu Kawasan Kawalan Kemajuan.

(2) Tertakluk kepada peraturan 14, tiada sesiapa pun boleh mempamerkan atau menyebabkan untuk dipamerkan mana-mana iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Yang Layak.

(3) Permohonan bagi kebenaran bertulis hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Yang Layak dalam suatu borang yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak dan hendaklah disertakan dengan —

(a) suatu lakaran atau gambar yang menunjukkan butir-butir lengkap mengenai hal perkara iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi yang dicadangkan yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat;

(b) satu salinan suratikatan hakmilik ke atas tanah di mana iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi akan didirikan;

(c) satu salinan surat persetujuan daripada pemilik tanah tersebut;

(d) suatu pelan tapak yang menunjukkan lokasi, jenis, saiz iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi;

(e) bagi suatu tanda, suatu lukisan yang menunjukkan bahan-bahan yang hendak digunakan, pemasangan, warna, ketinggian dari tanah dan, di mana tanda itu akan menganjur dari suatu bangunan, takat anjurannya;

(f) suatu pelan tapak yang menunjukkan lokasi iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi sedia ada yang terdekat di kawasan tersebut, dan bangunan terdekat;

(g) pelan dan spesifikasi struktur serta pelan dan spesifikasi lain, termasuk dimensi dan bahan-bahan dan butir-butir pembinaan termasuk beban, tegasan dan tambatan;

(h) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Yang Layak; dan

(i) bayaran yang ditetapkan.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah itu dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dan mana-mana Skim Perancangan Kemajuan, Pihak Berkuasa Yang Layak boleh membenarkan suatu permohonan bagi peragaan iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi tertakluk kepada sebarang syarat yang munasabah, boleh membenarkan permohonan itu dengan atau tanpa syarat-syarat bagi suatu tempoh masa yang ditentukan atau boleh menolak permohonan itu.

(5) Tanpa menjejaskan peraturan kecil (4), syarat-syarat yang dikenakan itu boleh membuat peruntukan bagi pematuhan sebarang garis panduan atau kehendak yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak.

(6) Hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Yang Layak bayaran yang ditetapkan berkaitan dengan sebarang permohonan yang dinyatakan dalam Jadual.

Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Yang Layak.

4. Pihak Berkuasa Yang Layak hendaklah menjalankan kuasa-kuasanya hanya bagi kepentingan kemudahan dan keselamatan awam, dengan mengambil kira sebarang faktor mustahak dan khususnya —

(a) dalam hal kemudahan, ciri-ciri am kawasan, termasuk adanya apa-apa ciri kepentingan sejarah, seni bina, kebudayaan atau kepentingan yang serupa, dengan mengenepikan, jika mereka memikirkan patut, apa-apa iklan yang diperagakan di sana;

(b) dalam hal keselamatan awam —

(i) keselamatan mana-mana orang yang mungkin menggunakan mana-mana jalan raya, jambatan, jejambat, terowong, kereta api, jalan air, limbungan, pelabuhan atau lapangan terbang; dan

- (ii) sama ada sebarang peragaan apa-apa iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi mungkin menutup, atau menghalang tafsiran yang tersedia, sebarang isyarat lalulintas jalan raya, isyarat kereta api atau alat bantu pandu arah melalui air atau udara.

Tamat tempoh.

5. Tertakluk kepada peraturan 6, kebenaran yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah luput selepas tamat tempoh 6 bulan jika kerja tersebut belum dimulakan.

Penyambungan kebenaran.

6. (1) Atas suatu permohonan yang dibuat sebelum kebenaran tersebut luput di bawah peraturan 5, Pihak Berkuasa Yang Layak boleh, setelah bayaran yang ditetapkan dibuat, membenarkan suatu penyambungan atau penyambungan seterusnya kebenaran tersebut.

(2) Dalam membenarkan suatu penyambungan atau penyambungan seterusnya kebenaran tersebut di bawah peraturan kecil (1), Pihak Berkuasa Yang Layak boleh mengenakan syarat-syarat yang munasabah atau boleh mengubah sebarang syarat yang dikenakan pada mulanya.

Pembatalan kebenaran.

7. Pihak Berkuasa Yang Layak boleh pada bila-bila masa membatalkan sebarang kebenaran sekiranya pemohon gagal mematuhi sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Pengubahan iklan dll.

8. Hal perkara apa-apa iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidaklah boleh diubah tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Yang Layak.

Penyelenggaraan iklan.

9. Setiap iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh pemohon sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Yang Layak.

Perintah untuk membuka dll. iklan.

10. (1) Pihak Berkuasa Yang Layak boleh pada bila-bila masa, secara bertulis, memerintahkan supaya sebarang iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi dibuka, dipadam, diganti, diubah atau diselenggarakan.

(2) Sebarang perintah yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) hendaklah disampaikan kepada orang yang, pada pendapat Pihak Berkuasa Yang Layak, bertanggungjawab bagi memperagakan iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi atau kepada pemilik atau penghuni premis yang didalamnya atau di atasnya ia dipamerkan, dan orang, pemilik atau penghuni itu hendaklah mematuhi perintah tersebut dalam tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

(3) Jika sebarang perintah yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Yang Layak atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa Yang Layak boleh memasuki premis tersebut dan membuka, memadam, mengganti, mengubah atau menyelenggarakan iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi itu atau mengambil tindakan lain sebagaimana yang mungkin dianggap sebagai diperlukan dengan munasabah untuk menghalangnya dari dipamerkan.

(4) Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk membuka, memadam, mengganti, mengubah, menyelenggarakan atau mengambil tindakan lain yang perlu boleh didapatkan balik daripada orang yang kepadanya perintah tersebut telah disampaikan sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Penguatkuasaan.

11. (1) Sekiranya sebarang iklan telah didirikan, dibina, dibina semula, diubah, dipindah, ditukar atau diselenggarakan, atau pun selainnya digunakan dengan melanggar Peraturan-Peraturan ini, Pihak Berkuasa Yang Layak atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa Yang Layak boleh memulakan sebarang tindakan atau prosiding yang bersesuaian untuk menghentikan pelanggaran tersebut.

(2) Pihak Berkuasa Yang Layak boleh menyebabkan supaya sebarang iklan atau premis diperiksa dan diselidiki dan boleh memerintahkan secara bertulis bagi pembetulan sebarang syarat yang didapati ada di dalamnya atau di sana yang melanggar Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pihak Berkuasa Yang Layak hendaklah menyebabkan supaya suatu notis atau notis-notis secara bertulis disampaikan kepada pengiklan dengan memberikan notis 14 hari atau suatu tempoh masa yang perlu, tentang niatnya untuk mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis tersebut.

Kesalahan.

12. (1) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau sebarang syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak di bawah peraturan 3(4), adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$500 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan kesalahan atau, jika ingkar membayar mana-mana satu dari denda-denda tersebut, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaihan di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

Rayuan.

13. (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan Pihak Berkuasa Yang Layak yang dibuat menurut sebarang kuasa yang boleh dijalankan olehnya di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Suatu rayuan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) hendaklah diserahkan kepada Menteri dalam masa 6 minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan kepada orang yang tidak puas hati itu oleh Pihak Berkuasa Yang Layak.

(3) Satu salinan sebarang rayuan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Yang Layak.

Kekecualian.

14. Persetujuan tidaklah dikehendaki bagi —

(a) sebarang notis untuk jualan, sewa atau pajakan jika notis itu dipamerkan di atas tanah atau harta untuk jualan, sewa atau pajakan;

(b) sebarang tanda peringatan atau tanda peringatan bertulis atau nama-nama suatu bangunan dan tarikh pembinaan, apabila memotong permukaan batu atau apabila membuat bahan dari gangsa atau bahan tak terbakar yang lain;

(c) sebarang iklan di dalam mana-mana unit kedai, mall beli-belah atau arked beli-belah;

(d) sebarang tanda arahan rasmi;

(e) iklan sebiji belon dalam premis;

(f) mana-mana bangunan, tanda kontraktor kejuruteraan awam atau struktur atau tanda subkontraktor yang dibina berhubung dengan mana-mana bangunan, projek kejuruteraan awam atau struktur yang mengandungi maklumat selain dari perkhidmatan yang diberikan oleh mereka;

(g) sebarang pertunjukan atau iklan hiasan berkenaan dengan perayaan kebangsaan atau majlis-majlis negara yang dilekatkan pada suatu bangunan;

(h) sebarang sepanduk dalam premis berkenaan dengan aktiviti-aktiviti sekolah yang ditunjukkan oleh sekolah-sekolah.

JADUAL

(Peraturan 3(6))

BAYARAN PERMOHONAN

1. Hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Yang Layak bayaran yang berikut berkaitan dengan iklan, papan iklan elektronik, papan tanda atau tanda tinggi —

(a) iklan —

(i) \$5 bagi setiap meter persegi;

(ii) \$15 jika luasnya kurang dari satu meter persegi;

(b) papan iklan elektronik —

(i) \$15 bagi setiap meter persegi;

(ii) \$30 jika luasnya kurang dari satu meter persegi;

(c) papan tanda — \$20 bagi setiap meter persegi;

(d) tanda tinggi — \$40 bagi setiap meter persegi.

2. Bayaran yang dikenakan atas suatu permohonan bagi menyambungannya adalah \$5 bagi setiap meter persegi.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2008.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH BIN
BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Dicetak oleh AWANG MOHIDIN BIN HAJI DAUD, Pengarah Percetakan,
di Jabatan Percetakan Kerajaan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Harga B\$5.00